

**Pembangking Perintah Setelah Asas Dan Landasan Dibina BN, Kata Shafie Bernama
30 Ogos, 2012**

BANGI, 30 Ogos (Bernama)-- Kerajaan Pakatan Rakyat sekadar memerintah beberapa negeri setelah landasan dan asas kukuh dibina kerajaan Barisan Nasional(BN) selama 50 tahun, kata Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW), Datuk Seri Mohd Shafie Apdal.

Beliau berkata sikap pembangking mencipta tema Hari Kemerdekaan lain daripada yang ditetapkan kerajaan persekutuan jelas menunjukkan bahawa mereka lebih mementingkan agenda politik sendiri daripada memikirkan perpaduan dan kemakmuran umum.

Katanya, walaupun pembangking mempunyai pendirian dan ideologi politik berlainan, namun mereka tidak seharusnya menafikan pembangunan dan kemajuan yang dilakukan kerajaan BN sejak negara mencapai kemerdekaan pada 1957.

"Apa yang dibuat pembangking cuma nak menabur janji dan memburukkan dan tidak langsung mahu mengakui kebaikan yang telah dilakukan oleh kerajaan BN.

"Lim Guan Eng mungkin tidak boleh memerintah Pulau Pinang sebagai sebuah negeri kalau landasannya tidak kuat atau tidak kukuh," kata Shafie kepada pemberita selepas menghadiri majlis Penghayatan Hari Kemerdekaan Warga KKLW, di sini pada Khamis.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=690910>